

**Diskaun Dan Rebat Tol Hingga 37.5 Peratus Sempena Hari Raya – Shaziman Bernama
10 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama)-- Sebanyak 24 lebuhraya bersetuju memberi diskaun dan rebat tol antara 10 hingga 37.5 peratus bagi kenderaan kelas 1 sempena sambutan Aidilfitri dan ulang tahun kemerdekaan negara tahun ini.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata ini merupakan diskaun dan rebat tol tertinggi pernah diberi pengendali lebuhraya di negara ini.

"Bagi pengguna kenderaan kelas 1 yang menggunakan bayaran tol secara elektronik di lebuhraya di bawah kendalian PLUS Berhad, mereka boleh menikmati rebat tol sebanyak 30 peratus pada Rabu dan Khamis, dan pada 22 dan 23 Ogos.

"Manakala bagi lebuhraya lain seperti Lebuhraya Pantai Timur, pengguna akan menikmati diskaun tol di antara 10 peratus hingga 37.5 peratus bermula 18 Ogos hingga 21 Ogos, "katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke tapak cadangan pembinaan susur keluar bertol dari Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) ke Jalan B149, Kundang, dekat sini Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687187>

